

Kata Adjektif Perasaan

Nota Ringkas

1. Kata adjektif perasaan ialah perkataan yang membawa pengertian konsep perasaan.
2. Contoh : marah, gembira, sayang, sedih, rindu, kecewa, bahagia

Latihan

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberikan.

rindu	sedih	takut	marah
bangga	gembira	sayang	risau

1. Ahmad berasa _____ kerana dia telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.
2. Cikgu Zahrah berasa _____ apabila melihat Ali yang suka bermain di dalam kelas.
3. Pravin _____ akan ibu dan ayahnya yang berada di kampung.
4. Ibu berasa sangat _____ kerana abang masih belum pulang ke rumah walaupun sudah waktu malam.
5. Hamsha amat _____ akan keluarganya kerana keluarganya sentiasa membantunya apabila dia berada dalam kesusahan.
6. Siew Lan _____ kerana kucing kesayangannya telah mati.
7. Aidil menangis kerana dia berasa _____ apabila tinggal di rumah seorang diri pada waktu malam.
8. Kejayaan Azizulhasni Awang dalam acara berbasikal trek membuatkan semua rakyat Malaysia berasa _____.